

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sebab Kementerian menggugurkan Lembaga Perlesenan Eksais yang pada awal Jun ini dan tidak melantik anggota baru dalam lembaga tersebut, bukannya ini akan menjejaskan ratusan permohonan lesen baru dan pembaharuan lesen di Kuala Lumpur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, saya ingin memberi penjelasan bahawa dalam jawapan bertulis yang dikemukakan oleh Kementerian ini kepada Parlimen, Kementerian menyatakan “Kementerian ini telah menyemak dan menyusun semula keanggotaan Lembaga ini. Proses ini selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam Mesyuarat bertarikh 11 Mac 2020 mengenai pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Agensi dan anak syarikat berkaitan kerajaan, sebelum lantikan baharu dibuat. Dalam hal ini, proses pelantikan baharu untuk Ahli Lembaga Pelesenan Eksais Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telahpun dilaksanakan.”

Sukacita saya memaklumkan, pelantikan 5 orang Ahli Lembaga Pelesenan Eksais yang baharu bagi tempoh 3 tahun berkuatkuasa 20 Julai 2020 sehingga 19 Julai 2023 dalam proses pewartaan. Bagaimanapun ahli-ahli Lembaga boleh bersidang tanpa perlu kelulusan Kementerian Kewangan dan tanpa perlu diwartakan sebagaimana anggapan Yang Berhormat kerana:

- (i) Menteri Kewangan telah menurunkan kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap Wilayah Persekutuan bagi tujuan pelantikan Ahli Lembaga Pelesenan Eksais Wilayah Persekutuan selaras dengan Seksyen 86 Akta Eksais; dan
- (ii) tiada keperluan dari segi perundangan di bawah Akta Eksais 1976 untuk pewartaan pelantikan ahli Lembaga ini, bagaimanapun DBKL tetap melaksanakan proses pewartaan sebagaimana amalan lazim.

Sekian, terima kasih.